

# PREDSONOLONE SYRUP

Prednisolone (2.5 mg / 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Predsolone Syrup
2. Bagaimana Predsolone Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Predsolone Syrup
4. Cara menggunakan Predsolone Syrup
5. Semasa menggunakan Predsolone Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Predsolone Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Predsolone Syrup

Predsolone Syrup digunakan untuk keadaan yang bertindak balas kepada terapi steroid jenis ini seperti asma, penyakit kulit dan keradangan gastrousus.

## Bagaimana Predsolone Syrup berfungsi

Prednisolone mempunyai tindakan anti-keradangan, anti-alahan, anti-kejutan (penurunan aliran darah secara tiba-tiba) dan bertindak untuk mengurangkan atau mencegah tindak balas imun.

## Sebelum menggunakan Predsolone Syrup

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Predsolone Syrup jika anda mempunyai:

- Kerapuhan tulang
- Ulser aktif atau penyakit mental
- Jangkitan melainkan berkesan dengan ubat spesifik yang serentak
- Sedang menjalani imunisasi.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Predsolone Syrup jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

### Jangan ambil Predsolone Syrup jika

anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sesetengah ubat boleh meningkatkan kesan Predsolone Syrup dan doktor anda mungkin ingin memantau anda dengan teliti jika anda mengambil ubat ini

(termasuk beberapa ubat untuk HIV seperti cobicistat)

### - Sebelum mula menggunakan Predsolone Syrup

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai:

- Kencing manis
- Ulser perut atau usus
- Penyakit jantung
- Tekanan darah tinggi
- Kandungan lemak yang tinggi dalam darah
- Kelenjar tiroid yang kurang aktif
- Lemah otot
- Fungsi buah pinggang yang terjejas atau batu karang
- Pheochromocytoma (tumor kelenjar adrenal)

Berbincanglah dengan doktor anda sebelum mengambil Predsolone Syrup, jika anda mempunyai: Sklerosis sistemik (gangguan autoimun). Mengambil dos harian sebanyak 15mg atau lebih boleh meningkatkan risiko komplikasi serius yang dikenali sebagai *scleroderma renal crisis* yang boleh menyebabkan tekanan darah anda meningkat dan mengurangkan kencing.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan terutamanya:

- Rifampicin, rifabutin (antibiotik),
- Phenytoin, primidone, carbamazepine (anti sawan),
- Phenobarbitone dan lain-lain barbiturates (melegakan keresahan atau ketegangan dan sebagai ubat pelali),
- Coumarin anticoagulants (mencegah penggumpalan darah)
- Salicylates (melegakan kesakitan)
- Hormon Estrogen
- Phenylbutazone (anti-radang)
- Aminoglutethimide (merawat sawan dan kanser payudara)
- Agen kencing manis (termasuk insulin),
- Anti-tekanan darah tinggi dan diuretik
- Azetazolamide (digunakan dalam rawatan glaukoma),
- Carbenoxolone (merawat ulser dan keradangan di dalam perut)

## Cara menggunakan Predsolone Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa: 10-120 ml setiap hari dalam 2-4 dos yang dibahagikan bergantung kepada penyakit yang dirawat.

Kanak-kanak: 0.14-2 mg/kg berat badan dalam 4 dos yang dibahagikan atau 4-6 mg/meter<sup>2</sup> setiap hari dalam 4 dos yang dibahagikan.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan ubat seperti yang diarahkan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Predsolone Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.

Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan boleh menyebabkan muka berbentuk bulat, kadang-kadang dengan pertumbuhan rambut yang berlebihan, benjolan di belakang bahu, muka kemerahan, peningkatan lebam, tanda regangan dan jerawat, kadang-kadang membawa kepada pembentukan sindrom Cushing sepenuhnya.

# PREDSONOLONE SYRUP

Prednisolone (2.5 mg / 5ml)

## Semasa menggunakan Predsolone Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Predsolone Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Predsolone Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Ia boleh menyebabkan kerencatan pertumbuhan kanak-kanak. Penjagaan perlu diberi apabila terdapat jangkitan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Predsolone Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Sindrom Cushing's, ketidakhadaman dan ulser perut atau usus boleh berlaku. Kesan yang lebih serius adalah keretakan tulang belakang, perubahan mental, tekanan darah tinggi, dan kemungkinan pembentukan darah beku dalam saluran darah. Pengekalan cecair dan garam, bengkak, tidak datang haid, peluh berlebihan, keradangan pankreas akut, lemah otot, terencat pertumbuhan, luka yang lambat sembuh & peningkatan risiko jangkitan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npa.gov.my](http://npa.gov.my) (Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Predsolone Syrup

### - Penyimpanan

Jauhkan ubat daripada kanak-kanak  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap berwarna merah dengan perisa aprikot.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Prednisolone

### - Bahan tidak aktif

Sugar, Liquid Glucose, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Sodium Benzoate, Propylene Glycol, Apricot Flavour, Red Raspberry.

### - Nombor MAL

MAL19910171AZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3,  
13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

30/05/2023

## Nombor Siri:

NPRA(R2/1)210608/690